

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31

20,000 pengguna alami gangguan bekalan elektrik



HANAFIAH Mat (kiri) meninjau keadaan Pencawang Masuk Utama Kemaman di Kampung Fikri yang dinaiki air di Kemaman, Terengganu. -UTUSAN/ NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

20,000 pengguna alami gangguan bekalan elektrik

KEMAMAN: Kira-kira 20,000 pengguna di sekitar Kampung Paya Berenjut, Chukai hingga ke Felda Neram, Air Putih mengalami gangguan bekalan elektrik berikutan Pencawang Masuk Utama di Kampung Fikri dinaiki air sejak kelmarin.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri, Hanafiah Mat berkata, bekalan elektrik di kawasan itu terpaksa diputuskan berikutan hujan lebat yang menyebabkan banjir.

Menurutnya, penutupan be-

kalan elektrik tersebut dilakukan demi keselamatan.

“Difahamkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertungkus-lumus menjalankan kerja-kerja baik pulih dan kira-kira 10,000 pengguna mula mendapat bekalan elektrik secara berperingkat,” katanya di sini.

Hanafiah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Perpaduan Nasional negeri berkata, TNB juga menempatkan generator di dua pusat pe-

mindahan sementara (PPS) yang terjejas.

Tambahnya, dua PPS terjejas itu di Sekolah Kebangsaan (SK) Geliga dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Banggol.

Jelasnya, hujan lebat ekstrem sejak pukul 11-malam di sekitar bandar Chukai menyebabkan laluan utama bandar serta beberapa premis kerajaan termasuk Hospital Kemaman serta Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman turut dinaiki air sehingga 0.2 meter.